**Komited pulih projek terbengkalai** MS3



**Tarif air masih terendah** MS6



**Wajib suntik anti typoid** MS 24



PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




www.buletinmutiara.com

1 – 15 MEI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# SOS bantu rakyat miliki rumah sendiri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**





RUPA bentuk unit RKR Taman Sungai Duri Permai, Sungai Duri, SPS.

**GEORGE TOWN -** Pembelian 104 unit Rumah Kos Rendah (RKR) di Taman Sungai Duri Permai, Sungai Duri, Seberang Perai Selatan (SPS) merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat Pulau Pinang dengan menyediakan lebih banyak RKR di bawah Skim Pemilikan Bersama (*Shared Ownership Scheme* – SOS) kepada golongan memerlukan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian 104 Unit RKR Di Taman Sungai Duri Permai, Sungai Duri, Daerah SPS di sini baru-baru ini.

Katanya, SOS adalah inisiatif baru pertama dilaksanakan di negara ini bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama sungguhpun masing-masing menghadapi kesukaran mendapat pinjaman bank dan dapat diatasi dengan bantuan pinjaman Kerajaan Negeri tanpa faedah berkenaan.

"Pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Bajet 2014 yang telah dibentangkan Kerajaan Negeri.

"Pembelian ini merupakan usahasama di antara Kerajaan Negeri dengan pemaju projek iaitu Syarikat Asas Dunia Berhad di atas dasar tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility* -CSR) syarikat kepada Kerajaan Negeri dan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

"Kesemua rumah ini akan dijual kepada mereka yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan serta memenuhi kriteria yang melayakkan mereka membeli rumah kos rendah ini," jelasnya yang menyaksikan majlis berkenaan di sini.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diwakili Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri, Datuk Abu Jamal Nordin bersama Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Asas Dunia Berhad, Datuk Jerry Chan Fook Sing.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurut Guan Eng, projek perumahan tersebut juga dikenali sebagai Rumah Bandaran Mampu Milik Dua (2) Tingkat.

"Ianya telah dibina Syarikat Asas Dunia Berhad dan telah menerima Borang F - Perakuan Siap dan Pematuhan pada 13 Ogos 2012.

"Jumlah keseluruhan rumah yang telah dibina adalah 224 unit. Sebanyak 104 unit rumah akan dibeli oleh Kerajaan Negeri, manakala baki diuruskan sendiri oleh pihak syarikat," ujarnya.

Tambah beliau, projek perumahan terbabit dibina berdasarkan konsep *'town house'* dua tingkat yang mana rumah di tingkat bawah adalah berkeluasan 716 kaki persegi manakala tingkat satu (705 kaki persegi).

"Setiap rumah mempunyai satu ruang tamu dan ruang makan, tiga bilik tidur dan satu bilik air/tandas.

"Bagi kategori RKR, Kerajaan Negeri mendapati bahawa rumah berkenaan berada di dalam keadaan baik. Di samping itu, ianya juga mempunyai suasana persekitaran selesa dan tenteram untuk didiami serta kini berhampiran dengan akses ke Jambatan Kedua Pulau Pinang yang menghubungkan Daerah SPS dan kawasan pulau," jelasnya.

Kata beliau, SOS diperkenalkan atas dasar keperihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembeli Rumah Kos Rendah yang gagal mendapat kelulusan pinjaman bank sebanyak 90 peratus atau 100 peratus di atas harga penjualan rumah.

"Antara alasan yang diberikan adalah tidak berupaya membuat bayaran balik dan mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik. Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Kementerian Kewangan juga tidak dapat membantu dalam pembiayaan dan menjamin pinjaman bank komersial bagi membolehkan golongan kurang mampu membeli rumah kos rendah.

"Banyak aduan diterima bahawa SJKP tidak berfungsi kerana banyak permohonan tidak dilayan atau diuruskan," tegas Guan Eng.

Justeru, tambahnya, inisiatif tersebut merupakan salah satu usaha murni Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Negeri Pulau Pinang menikmati kualiti hidup lebih baik dan selesa serta memiliki rumah sendiri.

"Harga jualan pasaran seunit rumah ini adalah RM38,000. Walau bagaimanapun, di bawah skim ini, pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman sebanyak 70 peratus daripada harga tersebut manakala baki pinjaman 30 peratus akan diperoleh daripada Kerajaan Negeri.

"Bayaran semula baki pinjaman (30 peratus) Kerajaan Negeri adalah tanpa faedah. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan perkhidmatan skim SOS tersebut, pembeli tersebut perlu menunjukkan bukti bahawa beliau tidak berjaya mendapatkan keseluruhan pinjaman berkaitan daripada bank.

"Skim ini juga berfungsi seperti Skim Mikro-Kredit," nyatanya.

Guan Eng memberitahu, sejurus selepas perjanjian tersebut ditandatangani, pengurusan dan penawaran 104 unit rumah (itu) akan diserahkan kepada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Pengagihan dan penawaran akan dibuat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan *(Selection Process Enhancement Committee* - SPEC) yang dipengerusikan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, (YB) Jagdeep Singh Deo untuk memastikan pengagihan dibuat secara adil dan telus kepada golongan yang memerlukan dengan diaudit bersama oleh syarikat perakaunan.

"Pemohon yang layak akan menandatangani perjanjian bersama Kerajaan Negeri di bawah Skim SOS," ujarnya.

# Jalan Bukit Kukus manfaat 60,000 penduduk

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



KETUA Menteri bersama-sama Lim Hock Seng (kanan sekali), Wong Hon Wai (tengah) dan A. Rajendran (kiri sekali) menunjukkan tanda bagus sambil memegang pelan projek pada Majlis Pengumuman Pembinaan Jalan Bukit Kukus di Paya Terubong baru-baru ini.

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang bakal melaksanakan pembinaan jalan berkembar Jalan Paya Terubong dikenali Jalan Bukit Kukus di sini membabitkan peruntukan kira-kira RM300 juta bagi menyuraikan kesesakan lalulintas sekaligus memberi manfaat kepada 60,000 penduduk di sekitarnya baru-baru ini di sini.

Keputusan tersebut dibuat ekoran permohonan Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Pusat untuk menaiktaraf Jalan Paya Terubong tidak diluluskan sebelum ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, oleh yang demikian, Kerajaan Negeri terpaksa bertindak sendiri untuk menyelesaikan masalah lalulintas di sepanjang Jalan Paya Terubong.

"Hanya satu jalan arterial sahaja iaitu Jalan Paya Terubong yang menjadi pengagih utama lalulintas di kawasan ini.

"Ia adalah perantaraan penting antara kawasan Air Itam, Paya Terubong, Balik Pulau dan Relau di sini.

"Isipadu aliran lalulintas di kawasan ini telah meningkat ke tahap sesak terutama pada waktu puncak.

"Tanpa pelebaran jalan dan persimpangan atau penyediaan laluan alternatif, masalah kesesakan bukan sahaja akan berterusan tetapi bertambah teruk," ujarnya pada Majlis Pengumuman Pembinaan Jalan Bukit Kukus di Paya Terubong baru-baru ini di sini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye dan Timbalan Pengarah Kejuruteraan, Ir. A. Rajendran turut hadir sama.

Kata Guan Eng, pembinaan jalan sepanjang 4.87 kilometer tersebut adalah bermula dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul dan kos RM300 juta, separuhnya ditanggung Kerajaan Negeri, serta baki, pemaju swasta.

"Yang baki separuh ini akan dibina oleh pemaju sebagai kewajipan memperoleh kelulusan pembangunan. Manakala, untuk bahagian yang dibina Kerajaan Negeri, tender terbuka akan dipanggil," jelas beliau.

Serentak itu, Kerajaan Negeri turut akan membina laluan tukarantara (*Interchange*) di persimpangan Jalan Paya Terubong/Jalan Tun Sardon/ Jalan Bukit Kukus sepanjang 1.43 kilometer.

Guan Eng memberitahu, ekoran lokasi jajaran jalan berkembar terletak di bahagian tanah bercerun, maka, penstabilan cerun adalah perlu dilakukan.

"Rizab jalan yang lebih lebar akan disediakan menjadikannya empat laluan utama.

"Projek ini yang merentasi bukit berbatu memerlukan pembinaan yang teliti," jelasnya.




**LAKARAN peta cadangan Projek Pembinaan Jalan Bukit Kukus dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul oleh Kerajaan Negeri di sini.**

## PBAPP perjelas punca kajian semula tarif air negeri

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Cadangan kajian semula tarif air Pulau Pinang akan dihantar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk kelulusan lanjut, gara-gara pendirian Putrajaya pada 18 September tahun lepas menolak permohonan Kerajaan Negeri untuk membiayai pemindahan air mentah dari Sungai Perak ke negeri ini.

Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa menjelaskan, Kerajaan Negeri turut diminta menumpukan perhatian pada langkah mengurangkan penggunaan air yang tinggi, bukannya mencari sumber baru bagi menghadapi risiko kekurangan air pada tahun 2020 nanti.

Bagaimanapun, katanya lagi, kajian semula tarif air negeri masih mencadangkan supaya penggunaan air domestik di negeri ini masih kekal menikmati tarif air sedia ada serta termurah berbanding negeri-negeri lain.

"Secara keseluruhannya, purata kenaikan (tarif air domestik) yang dicadangkan dalam semua kadar adalah 20.5 peratus.

"Kajian semula tarif air ini untuk elak catuan air," ujar Jaseni kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kejayaan Kerajaan Negeri menguruskan sumber air negeri tanpa langkah catuan seperti di beberapa negeri lain semasa musim kemarau baru-baru ini sepatutnya tidak dijadikan asas untuk menolak permohonan Kerajaan Negeri dalam mencari sumber mentah baru.

Difahamkan, tarif air negeri sekarang masih kekal terendah pada kadar 31 sen bagi 1,000 liter padu hingga 35,000 liter padu air yang pertama.

Manakala, diskaun 60 peratus bagi surcaj pemuliharaan air (WSC) akan tetap diberikan kepada keluarga yang terdiri oleh isi rumah lapan orang dan ke atas berkuatkuasa 1 Mei lalu demi memastikan kenaikan tarif nanti tidak membebankan pengguna berwajib.

Seramai 471,460 orang didaftar sebagai pengguna domestik air di Pulau Pinang sehingga 31 Disember tahun lepas, menyamai 60 peratus daripada keseluruhan penggunaan air negeri.

Cadangan PBAPP antara lain tiada kenaikan bagi penggunaan 20 meter padu pertama, selaras dengan arahan Kerajaan Negeri yang tidak mahu membebankan golongan berpendapatan rendah serta tidak mahu menghukum konsumer yang tidak membazirkan bekalan air bersih negeri.

Justeru, kenaikan tarif, menurut cadangan itu adalah penggunaan air pada kubik meter *(band)* berikutnya sahaja.

Direkodkan, 375,714 pengguna domestik atau 79 peratus menggunakan air sehingga 40 meter padu tiap-tiap bulan.

Dari angka itu, baki 21 peratus lagi menggunakan air secara berlebihan, serta dianggarkan perlu membayar tambahan 30 peratus tiap-tiap bulan jika kajian semula tarif tersebut diluluskan kelak.

"Mereka perlu membayar lebih kecuali jika mereka mengurangkan penggunaan air mereka," cadang Jaseni, sambil memberitahu bahawa kali terakhir tarif air bagi penggunaan domestik melebihi 40 meter padu sebulan dikaji semula pada tahun 2001.

Kali terakhir caj minimum untuk bekalan air domestik dan tarif untuk penggunaan sehingga 40 meter padu dikaji semula adalah pada tahun 1993.

Dalam perkembangan sama, Jaseni menjelaskan, purata kenaikan tarif air untuk semua kadar kegunaan perniagaan pada angka 18.8 peratus dicadangkan kerana kali terakhir pihaknya melakukan kajian semula tarif bagi jenis kegunaan itu adalah pada tahun 2010.




**IR. Jaseni Maidinsa menjelaskan kapasiti air Empangan Mengkuang pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# 245 pembeli terima kunci, penantian 18 tahun berakhir


SEBAHAGIAN penerima menunjukkan replika kunci sebagai simbolik penerimaan kunci unit-unit kediaman masing-masing di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**JELUTONG -** Penantian 245 pembeli rumah kos sederhana rendah (KSR) Halaman Kristal *(Crystal Prestige)* selama 18 tahun berakhir apabila mereka menerima kunci masing-masing di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang hadir menyerahkan replika kunci pada Majlis Penyerahan Kunci Halaman Kristal turut berpuas hati dengan perkembangan pemulihan semula projek-projek terbengkalai di Pulau Pinang.

"Misalnya, projek Halaman Kristal ini, setelah diambil alih dan siap sepenuhnya pada 2009, namun sijil layak menduduki (OC) hanya berjaya diperoleh pada 13 Mac lalu.

"Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada pembeli dan juga pemaju kerana setia menunggu walaupun ia mengambil masa hampir lima tahun," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu, sejumlah 101 unit rumah KSR telah dikhaskan kepada penduduk di Kampung Dodol dan Kampung Masjid di sini sebagai bayaran balik pampasan pengambilan tanah mereka.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah khaskan 101 unit rumah untuk penduduk Kampung Dodol dan Kampung Masjid sebagai pampasan dan selebihnya adalah hasil pembelian melalui Bahagian Perumahan menggunakan Sistem Pendaftaran Rumah secara atas talian," jelasnya.

Projek Halaman Kristal merupakan projek pemulihan yang diambil alih oleh pemaju, Syarikat Crystal Prestige Sdn. Bhd. dan telah siap sepenuhnya pada bulan April 2009.

Mempunyai dua blok unit kediaman iaitu Blok B yang merupakan blok 42 unit rumah mampu milik dengan nilai RM262,000 dan Blok C, RM72,5000 sebanyak 245 unit rumah KSR.

Sementara itu, bagi pembeli, Mohd. Abdul Latiff Abu Tahir, 55, berkata, beliau amat teruja dan bersyukur apabila penantian selama lima tahun untuk mendiami kediaman baru termakbul.

"Kami sekeluarga sudah tunggu lebih 15 tahun sejak projek ini mula dibangunkan sehinggalah diambil alih oleh pemaju baru dan kini bolehlah kami duduk rumah baru," ujar beliau.

Bagi pesara, Noor Aing Mann, 55, penyerahan kunci tersebut amat melegakan beliau setelah menunggu sekian lama.

"Terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri terutama Y.B (Jagdeep) kerana berusaha mendapatkan OC walaupun ia mengambil masa yang lama," katanya di sini.

Bagi penerima pampasan yang hanya mahu dikenali sebagai Nur Ain menyatakan bahawa beliau amat bersyukur walaupun sedikit terkilan kerana emaknya tidak dapat merasai rumah baru ekoran telah kembali ke rahmahtullah.

"Penantian terlalu lama, tapi Alhamdulillah, akhirnya berbaloi juga perjuangan kami penduduk kampung di sini," kata beliau.

# Cat semula perumahan Padang Tembak

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**


(Dari kanan), JAGDEEP Singh Deo, Cheah Kah Peng dan Zairil Khir Johari mengecat dinding salah satu blok ketika menyempurnakan gimik Majlis Pengecatan Blok Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM -** Sebanyak enam blok Perumahan Awam Padang Tembak di sini bakal berwajah baru atas inisiatif khas Kerajaan Negeri untuk menjalankan kerja-kerja pengecatan semula bangunan-bangunan tersebut dalam tempoh tiga tahun.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, inisiatif itu adalah demi menjaga kebajikan dan keselesaan penduduk.

"Setiap dua blok bangunan akan mengambil masa setahun untuk disiapkan.

"Secara keseluruhannya, kos RM203,000 diperlukan bagi mengecat setiap blok.

"Justeru, Kerajaan Negeri menampung kos sebanyak 80 peratus iaitu RM162,400, manakala bakinya dikongsi secara purata bersama Ahli Parlimen Bukit Bendera (Zairil Khir Johari) dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Kebun Bunga (Cheah Kah Peng) sebanyak RM40,600 bagi setiap blok," ujarnya ketika menyempurnakan gimik Majlis Pengecatan Blok Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Joseph Ng Soon Siang dan Lee Chun Kit.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai konsep penambahbaikan tersebut, Zairil menjawab bahawa setiap blok bakal dihiasi dengan warna yang berlainan.

"Kelainan warna ini akan melambangkan identiti blok-blok tersebut kelak.

"Ini juga akan memudahkan orang ramai membezakan antara satu blok dengan yang lain," jelas Zairil.

## *Majestic Heights* pulih, tambah rumah mampu milik


KEADAAN bangunan di tapak perumahan *Majestic Heights* yang telah terbengkalai selama 11 tahun di sini.

**PAYA TERUBONG –** Dua dalam satu! Selepas 11 tahun terbengkalai, projek perumahan *Majestic Heights* Fasa 2A di sini bakal dipulihkan semula atas inisiatif khas Kerajaan Negeri yang mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pemaju, PLB Land Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Malah, selain menyiapkan projek terbabit, turut bakal didirikan adalah 7,568 unit skim rumah mampu milik dengan harga jualan RM400,000 ke bawah di atas tanah seluas 64 ekar di tapak pembangunan sama.

Projek pemulihan *Majestic Heights* Fasa 2A dijangka siap dalam tempoh 18 bulan bermula pada tarikh kuatkuasa permulaan kerja manakala projek perumahan baru, dalam tempoh enam tahun bermula daripada tarikh mula kerja.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek perumahan *Majestic Heights* merupakan skim perumahan negeri terbesar yang terbengkalai di negeri ini.

"Status projek tersebut diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2003 dan ia telah menyebabkan kerugian kepada para pembeli dalam tempoh 11 tahun," katanya ketika mengadakan lawatan khas ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Guan Eng memberitahu, projek prumahan di tapak seluas 64 ekar adalah khas kepada mereka yang ingin memiliki rumah pertama di Daerah Timur Laut kepada pemohon berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

"Kedudukan projek terbabit adalah strategik kerana ianya berdekatan dengan pusat bandar dan kawasan industri Bayan Lepas.

"Malah, Kerajaan Negeri juga akan membina jalan berkembar baru dari tapak projek ke Bukit Gambir," jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri masih dalam perbincangan dengan pihak pemaju berhubung cara untuk menyelesaikan Fasa 2B dan Fasa 3A yang turut terbengkalai.

"Fasa 2B mempunyai 542 unit manakala Fasa 3A (558)," ujarnya sambil menyeru supaya para pembeli menubuhkan jawatankuasa bagi menggerak serta mempercepatkan projek berkenaan.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut menyeru supaya syarikat pemaju tampil bagi membantu menyelesaikan 13 projek 'sakit' atau terbengkalai di Pulau Pinang.

Spesifikasi projek skim rumah mampu milik di atas tanah seluas 64 ekar :

| Saiz pembinaan *(build-up)* (per unit) | Harga (RM per unit) | Bilangan Cadangan Unit |
|---|---|---|
| 750 kaki persegi | 292,500.00 | 1,532 |
| 850 kaki persegi | 331,500.00 | 4,594 |
| 1,000 kaki persegi | 390,000.00 | 1,532 |

# Sijil halal beri impak positif - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**




**ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyampaikan sijil halal kepada Pengarah Urusan Original Kayu Nasi Kandar Sdn. Bhd., Burhan Mohamed (dua dari kiri) pada Majlis Penyampaian Sijil Halal kepada Restoran Original Kayu Nasi Kandar, Bukit Jambul di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menyatakan bahawa beliau amat berharap lebih banyak pengusaha hotel, kedai tomyam dan kedai makanan milik individu muslim memohon sijil halal.

Katanya, permohonan tersebut lazimnya dapat memberi banyak impak positif dalam perniagaan masing-masing memandangkan industri berkenaan sebenarnya berkembang dengan pesat kini.

"Apabila sesebuah premis atau kedai makanan mempunyai sijil halal, ianya secara tidak langsung mengelakkan rasa was-was dalam kalangan pengguna umat Islam.

"Bagi pelancong luar negara pula (beragama Islam), mereka akan lebih senang untuk mencari rangkaian kedai-kedai yang mempunyai sijil halal apabila berkunjung ke Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sijil Halal kepada Restoran Original Kayu Nasi Kandar, Bukit Jambul di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, sijil halal bukanlah sesuatu yang sukar untuk dipohon memandangkan pihaknya melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) akan membantu sesebuah premis berkenaan memperoleh pengiktirafan berkaitan.

"Pensijilan halal ini dilihat bukan sahaja mampu menarik umat Islam bahkan bukan Islam akan turut tertarik berkunjung (premis halal) memandangkan kualiti, kebersihan dan keselamatan makanan adalah terjamin," tambah beliau.

Pada aspek pelancongan, Abdul Malik menyatakan bahawa pihaknya bersedia menjalin kerjasama dengan agen syarikat pelancongan bagi menyenaraikan premis-premis mempunyai sijil halal.

"Sejak galakan permohonan sijil halal dipergiatkan pada tahun 2008, peningkatan permintaan (sijil halal) adalah sangat positif iaitu daripada 55 permohonan (2008), kini mencecah 615 permohonan yang telah siap diproses.

"Selain premis makanan dan restoran, kilang-kilang berasaskan makanan juga boleh memohon sijil berkenaan," jelas beliau.

## Larian Penfurnex 15 Jun tawar hadiah RM8,000




POSTER penganjuran Larian Penfurnex 2014.

**GEORGE TOWN –** Persatuan Industri Perabot dan Kayu-kayan Pulau Pinang (PFTIA), SP Setia Berhad dan Kerajaan Negeri buat julung kalinya bekerjasama menganjurkan acara Larian Penfurnex 2014 sebagai satu lagi inisiatif ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Acara yang dijadualkan berlangsung pada 15 Jun ini bakal diadakan di *Subterranean Penang International Conference and Exhibition Centre* (sPICE).

Menurut Pengerusi Penganjur, Richard Ooi Beng Poh, tujuan utama penganjuran Larian Penfurnex adalah bagi mempromosikan ekspo tahunan PFTIA iaitu Ekspo Perabot Pulau Pinang (Penfurnex) yang bakal diadakan pada 19 Julai 2014.

"Tahun 2014 merupakan tahun ke-10 penganjuran Penfurnex dengan penyertaan pelbagai penggiat industri perabot dan hiasan dalaman.

"Oleh demikian, kita mengambil inisiatif menganjurkan Larian Penfurnex di samping membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden PFTIA, Ngai Chin Soon dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur program.

Sejumlah RM8,000 baucar tunai dipertandingkan bagi 10 pemenang Larian Penfurnex 2014 (kategori 10 kilometer) di samping sijil penyertaan dan trofi.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri I yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi sokongan kepada mana-mana organisasi yang mendokong usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Sebanyak enam kategori bakal dipertandingkan iaitu 10 kilometer (km) Terbuka Lelaki (18 – 39 tahun), 10km Terbuka Wanita (18 – 34 tahun), 10km Veteran Lelaki (40 tahun dan ke atas), 10km Veteran Wanita (35 tahun dan ke atas), *5km Fun Run* Lelaki (15 tahun dan ke atas) dan *5km Fun Run* Wanita (15 tahun dan ke atas).

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi talian hotline Penfurnex 04 - 398 6666 dari hari Isnin hingga Jumaat, jam 9 pagi hingga 5 petang, atau layari laman sesawang rasmi Penfurnex, *www.penfurnex.com.my*.

## PSUK ambil alih pengurusan Rumah Puspanita serta merta

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**MUHAMMAD Yusoff Wazir.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengeluarkan arahan penamatan kontrak perjanjian Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Negeri Pulau Pinang ke atas Rumah Puspanita, berkuatkuasa serta-merta.

Penamatan kontrak perjanjian tersebut adalah rentetan penahanan 88 individu oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di banglo tersebut pada jam 2.45 pagi 20 April lalu.

Dalam suatu kenyataan akhbar oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir, beliau menjelaskan bahawa Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah memutuskan untuk menamatkan kontrak perjanjian disebabkan pelanggaran syarat-syarat perjanjian oleh Puspanita Negeri Pulau Pinang.

"Pengurusan Rumah Puspanita di alamat No. 135, Jalan Masjid Negeri kini diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan berkuatkuasa serta-merta.

"Kerajaan Negeri memandang serius kejadian penyalahgunaan bangunan kerajaan dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan," tegas beliau.

Sebagai rekod, rumah banglo inap tersebut diserahkan kepada Puspanita Negeri Pulau Pinang pada 15 Jun 2009 selepas didapati terbiar kosong sejak tahun 2006.

Selepas kerja-kerja membaik pulih dilaksanakan, tawaran kepada Puspanita diberi mulai 1 Februari 2010 sehingga 31 Januari 2013 dengan dikecualikan dari bayaran sewa.

Pihak Puspanita sekali lagi memohon untuk melanjutkan penggunaan banglo inap selama 10 tahun, walau bagaimanapun, perjanjian hanya diberikan untuk tempoh tiga tahun bermula 1 Februari 2013 sehingga 31 Januari 2016.

Premis tersebut telah digunakan sebagai tempat mengadakan program rasmi Puspanita selain membenarkan orang ramai membuat tempatan menggunakan bangunan tersebut seperti program inap desa, kenduri kahwin, majlis hari jadi, majlis pertemuan semula dan majlis pertunangan.

Dalam kejadian tersebut, dipercayai kesemua individu yang ditahan, berumur antara 18 hingga 35 tahun, atas pertuduhan mengambil pelbagai jenis dadah ketika meraikan pesta hari jadi.

# Pengusaha hotel digesa pohon lesen premis

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menggesa pengusaha-pengusaha hotel supaya 'memutihkan' operasi masing-masing di negeri ini dengan membuat permohonan lesen pada kadar secepat mungkin bagi mengelakkan tindakan lanjut diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini.




**CARTA aliran permohonan lesen rumah tumpangan atau hotel.**

Perkara tersebut disuarakan beliau pada Majlis Taklimat Pemutihan Hotel Tanpa Lesen di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

"Proses ini sebenarnya bertujuan mengelakkan pengusaha-pengusaha hotel diambil tindakan seperti saman atau disita ekoran premis tidak mempunyai lesen.

"Pemilik hotel yang pernah memohon namun tidak diluluskan sebelum ini turut digesa mengemukakan permohonan baru.

"Proses permohonan ini dilihat begitu mudah jika semua syarat-syarat berkaitan dipatuhi," jelasnya di sini baru-baru ini.

Kon Yeow memberitahu, antara faktor kegagalan dihadapi pengusaha-pengusaha hotel bagi mendapatkan lesen adalah premis masing-masing tidak mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan pihak Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan MPPP.

"Tangga keselamatan adalah satu ciri keselamatan yang amat dititikberatkan.



**SALAH seorang hadirin bertanyakan soalan pada Majlis Taklimat Pemutihan Hotel Tanpa Lesen di Dewan Perbandaran di sini baru-baru ini.**

"Namun, sesetengah premis tidak menyediakan tangga tersebut berikutan saiz operasi yang kecil dan apabila dibina di luar, contohnya, di lorong-lorong, ianya akan mengganggu kawasan berkenaan (luar) sehinggakan menyukarkan operasi lori sampah,'' jelasnya.

Pada masa sama, Kon Yeow turut menyatakan bahawa pengubahsuaian yang tidak mengikut spesifikasi seperti kediaman yang ingin ditukar kepada premis komersial turut menjadi halangan mendapatkan lesen berkaitan.

Mengulas lanjut, nyatanya, sehingga kini, sebanyak 135 hotel di bahagian pulau dipercayai tiada lesen dan Seberang Perai (20).

Bagi pihak yang ingin membuat permohonan lesen hotel, rumah peranginan dan seumpamanya, sila ke Pejabat Perlesenan MPPP berhadapan persimpangan *Little India* melalui Lebuh Pantai di sini.

# RM15 juta harap Bukit Bendera destinasi No.1 - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**AIR ITAM –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan peruntukan RM15 juta lagi untuk projek menaiktaraf Bukit Bendera pada tahun ini demi memastikan kawasan peranginan itu menjadi destinasi pelancongan tanah tinggi pilihan utama negara.

"Menjelang tahun 2015, kita harap projek ini siap sepenuhnya.

"Kita, Pulau Pinang boleh menjadi (destinasi pelancongan tanah tinggi) nombor satu di negara ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada Majlis Ulang Tahun Ke-3 Blue Coach Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar PBBPP, Dr. Lawrence Khoo, Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera), Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri) dan Cheah Kah Peng (ADUN Kebun Bungah) turut hadir pada majlis itu.



**SALAH seorang pelancong bergambar kenangan dengan maskot PBBPP bersempena Majlis Ulang Tahun Ke-3 Blue Coach Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

Menurut Guan Eng, keretapi berkembar yang diberi nama 'Pinang' dan 'Mutiara' itu kembali mula beroperasi sepenuhnya pada 24 April 2011.

Sebuah keretapi itu boleh memuatkan 100 penumpang dalam satu-satu masa dengan kelajuan enam hingga 10 meter per saat.

Keretapi yang penuh dengan nilai keunikan itu mengambil masa tujuh minit untuk naik dan turun dari atas Bukit Bendera ke stesen bawah di sini.

Pada majlis sama, seramai 300 anak yatim dan warga emas daripada pelbagai pertubuhan turut diraikan dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PBBPP, serentak dengan keraian Majlis Ulang Tahun Ke-3 Blue Coach Bukit Bendera.

Guan Eng turut merakamkan penghargaan pada persembahan tarian daripada sekumpulam pelajar jurusan perubatan dari Kolej PTPTL Cawangan Sungai Petani, Kedah.

Dalam perkembangan berkaitan, Bukit Bendera sebelum ini pernah direkodkan menerima kehadiran pelancong paling tinggi pada hari kedua raya Aidilfitri tahun 2013, iaitu seramai 10,301 pengunjung.

Angka itu, sekaligus, memecah rekod kunjungan pelancong sejak Bukit Bendera mula dibuka pada tahun 1923.

### Jadual Pembayaran Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal & Skim Pelajar Emas 2014

Program Penghargaan Warga Emas

| Program Penghargaan Warga Emas | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| Fasa 1/ 2014 | **8 & 9 Mac** hingga **21 Mac 2014** | Maybank |
| Fasa 2 /2014 | **9 Jun** hingga **27 Jun 2014** (kaunter khas dibuka pada **14 & 15 Jun**) | Pejabat Daerah |
| Fasa 3/ 2014 | **8 September** hingga **26 September 2014** | Pejabat Daerah |

Program Bantuan Ibu Tunggal

| Program Bantuan Ibu Tunggal | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| Fasa 1/ 2014 | **7 Jun & 8 Jun** hingga **27 Jun 2014** | Pejabat Daerah |
| Fasa 2 /2014 | **8 September** hingga **26 September 2014** | Pejabat Daerah |

Skim Pelajar Emas

| Skim Pelajar Emas | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| Fasa 1/ 2014 | **19 Mei** hingga **30 Mei 2014** | Maybank |
| Fasa 2 /2014 | **6 Oktober** hingga **17 Oktober 2014** | Pejabat Daerah |

# Walaupun tarif air naik, masih terendah di Malaysia

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kenaikan tarif air dilihat mampu menjadi kaedah berkesan memastikan rakyat Pulau Pinang lebih berjimat cermat dalam penggunaan harian.

Inisiatif tersebut adalah ekoran gejala pembaziran penggunaan air dalam kalangan rakyat Pulau Pinang dipercayai berpunca daripada tarif air yang rendah iaitu 31 sen setiap 1,000 liter bagi 35,000 liter penggunaan setiap bulan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri sedaya upaya mengekalkan tarif air yang rendah, sehinggakan subsidi air domestik PBAPP mencecah RM68.6 juta pada tahun 2013.

"Kita perlu mengurangkan penggunaan air domestik per kapita kerana Pulau Pinang kini mencatat purata 311 leter per kapita setiap hari iaitu 50 peratus lebih tinggi berbanding purata negara iaitu 212 liter per kapita.

"Ini bermakna, sekiranya musim kemarau berpanjangan, risiko catuan air di Pulau Pinang adalah lebih tinggi berbanding mana-mana negeri di Malaysia kerana Pulau Pinang mencatat purata penggunaan air yang tinggi per kapita setiap hari," ucapnya ketika merasmikan sambutan Hari Air Sedunia 2014 di Taman Kuari di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bungah, Cheah Kah Peng dan Presiden Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang, Prof. Chan Ngai Weng.

Tambah beliau, walaupun penggunaan air per kapita semakin meningkat sejak 2008, namun tarif masih lagi rendah rentetan subsidi air domestik oleh PBAPP.

"Malah, PBAPP dan Kerajaan Negeri telah mencuba pelbagai cara untuk menggalakkan warga Pulau Pinang menggunakan air dengan bijak, antaranya pelaksanaan Surcaj Pemuliharaan Air (*Water Conservation Surcharge* - WCS), pendidikan melalui laporan berita, siaran laman sesawang, iklan, penerbitan dan acara-acara khas, namun, penggunaan air per kapita terus meningkat.

"Maka, adalah bertepatan sekiranya PBAPP mencadangkan agar tarif air di Pulau Pinang dikaji semula memandangkan kali terakhir caj minimum tarif penggunaan disemak adalah pada 1993.

"Walaupun, kemungkinan tarif dinaikkan, Kerajaan Negeri akan memastikan tarif penggunaan air domestik untuk 35,000 liter pertama setiap bulan masih lagi terendah di Malaysia dan ini adalah kepastian yang tidak boleh dirunding lagi," ujarnya yang juga merupakan Pengerusi PBAPP.

Tegas Guan Eng bahawa kenaikan tarif turut mengambil kira golongan berpendapatan rendah dan mereka yang mempunyai anggota keluarga yang ramai (lapan orang dan ke atas) dengan menawarkan sehingga 60 peratus diskaun bagi WCS bermula 1 Mei lalu.



**PARA pelajar diberi pendedahan berhubung peralatan-peralatan berkaitan penyaluran air di kediaman pada sambutan Hari Air Sedunia 2014 di Taman Kuari di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, beliau menyeru agar warga Pulau Pinang mula mengamalkan langkah-langkah penjimatan air yang berkesan dan menggunakan air dengan bijak bagi mengelak pembaziran dan kemungkinan catuan air pada masa hadapan.

"Catuan air mungkin tidak dapat dielakkan sekiranya penduduk Pulau Pinang terus menggunakan air 311 liter per kapita setiap hari," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, berdasarkan cadangan kenaikan tarif air domestik, tarif air bagi kira-kira 500,000 pengguna air berdaftar akan disemak semula.

"Cadangan kenaikan pada kadar purata 20 peratus bagi pengguna domestik adalah sebagai langkah mempromosikan penjimatan air dalam usaha mengelakkan catuan air pada masa hadapan," ujar beliau.

## P. Pinang perlu sekolah autistik, cadang Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Anak autistik turut mempunyai potensi untuk mengikuti sekolah aliran perdana seperti murid-murid lain sekiranya mendapat intervensi awal serta proses transisi pembelajaran seperti yang dilakukan di Persatuan Sumber dan Pendidikan Bagi Kanak-Kanak Autistik Pulau Pinang (REACH).

Justeru, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mencadangkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membangunkan sekolah khas untuk kanak-kanak autistik seperti yang diperjuangkan REACH.

"Anak-anak autistik ini sebenarnya mempunyai potensi untuk berdikari jika mendapat intervensi awal serta proses tansisi seperti yang dilakukan di sini (REACH).

"Saya berharap Kementerian dapat memikirkan keperluan untuk mewujudkan sekolah khas untuk anak-anak (autistik) ini kerana mereka juga adalah aset negara, bukannya liabiliti," ujarnya pada majlis penyampaian sumbangan kepada REACH di sini baru-baru ini.

Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya disambut oleh Ketua Sukarelawan REACH, Prof. Dr. See Ching Mey.

Dalam lawatan kerja itu, beliau turut melahirkan penghargaan kepada REACH kerana berjaya menyediakan program pembelajaran khusus untuk mencungkil potensi kanak-kanak autistik supaya mampu menikmati hak pembelajaran sebagaimana



**SEORANG kanak-kanak autistik yang sedang dibantu sukarelawan REACH di sini baru-baru ini.**

kanak-kanak normal di sekolah aliran perdana.

Satu laporan arus perdana dipetik, sehingga Mac tahun ini, kira-kira 3,264 murid didaftar sebagai orang kurang upaya (OKU) di 925 sekolah di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, dianggarkan, lima peratus adalah kanak-kanak autistik.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam laporan sama mencadangan supaya 75 peratus sekolah aliran perdana di negara ini melaksanakan program integrasi berwajib.

Badan bukan kerajaan (NGO) REACH dekat Pulau Pinang dikatakan antara terbaik, selain pusat seumpamanya untuk kanak-kanak autistik di Kuala Lumpur dan Johor.

Bagaimanapun, sekolah khas untuk kanak-kanak autistik difahamkan masih tiada di Pulau Pinang, sungguhpun golongan tersebut juga sebenarnya berhak menikmati intervansi awal dan proses transisi pembelajaran seperti kanak-kanak normal lain di negara ini.




# Bkt. Bendera jadi lokasi drama antarabangsa



SEBELUM.



GAMBAR Hotel Craig sebelum (kanan) dan selepas dinaiktaraf untuk tujuan penggambaran filem bertaraf antarabangsa.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWNN** – Bukit Bendera dipilih sebagai salah satu lokasi penggambaran drama bersiri *'Indian Summers'* di negeri ini, yang bakal dtayangkan di beberapa negara dalam Kesatuan Eropah dan dan Amerika Syarikat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan kerjasama antarabangsa antara UK New Productions Ltd. dan syarikat tempatan, Biscuit Films Sdn. Bhd. kerana memilih Pulau Pinang sebagai destinasi penggambaran filem yang mengisahkan era akhir kolonialisme British di India.

"Ini menunjukkan perhatian antarabangsa yang unik di Pulau Pinang bukan sahaja sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, tetapi, turut memperlihat struktur warisan yang indah dan keajaiban alam semulajadi negeri," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini, selepas menyaksikan majlis menandatangani satu perjanjian persetujuan (MoA) semua pihak berwajib.

Kerajaan Negeri diwakili Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri, Datuk Abu Jamal Nordin, manakala, UK New Picture Ltd. pula diwakili oleh pengarah terkenalnya sendiri, Charlie Pattinson.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri turut menyertai sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, Hotel Craig dan *Woodside Bungalow* dekat Bukit Bendera, serta bangunan tradisional yang lain di sekitar George Town seperti Rumah Suffolk, Dewan Bandaran, Taman Botani, Muzium Negeri turut akan disiarkan dalam drama bersiri tersebut.

Sebelum itu, Charlie Pattinson memberitahu, pemilihan semua lokasi penggambaran *'Indian Summers'* itu selepas pihaknya mengakses internet serta menjelajah di beberapa kawasan menarik di sekitar Benua Kecil India dan Timur.

"Selepas ke merata tempat, akhirnya kami menemui beberapa lokasi seperti di Banjaran Himalaya dan ladang teh Utara India di negeri ini," ujarnya, sambil melahirkan rasa gembira dengan partisipasi Kerajaan Negeri.

*'India Summers'* mengisahkan tahun-tahun terakhir pemerintahan kolonial British di India yang menyaksikan era kemerosotan sehinggalah kelahiran negara India moden, menurut perspektif kedua-dua negara tersebut.

Selain dikenakan bayaran sewaan bagi penggunaan Hotel Craig dan *Woodside Bungalow,* syarikat-syarikat perfileman tersebut juga bakal menaiktaraf bangunan-bangunan berkenaan yang telah lama terbiar sebelum ini.

Malah, pada masa sama, ia turut menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.





***WOODSIDE Bungalow*** **sebelum (kanan) dan selepas.**

# Pertumbuhan kadar penginapan hotel baik

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Peningkatan ketara kadar kehadiran pelancong sejak tahun 2012 di negeri ini memperuntukkan pertumbuhan industri hotel yang baik dalam menyediakan lokasi-lokasi penginapan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyempurnakan Majlis Topping-Off G Hotel Kelawei di sini baru-baru ini.

Jelasnya, mengikut perangkaan dikeluarkan Malaysia Airports Berhad (MAB), ketibaan pelancong melalui pesawat domestik pada Januari hingga Februari tahun ini adalah berjumlah 268,117 orang iaitu peningkatan sebanyak 33.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu (2013), 200,983.

“Bagi ketibaan pelancong asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), peningkatan turut dicatatkan sebanyak 8.23 peratus pada Januari hingga Februari tahun ini (2014) iaitu seramai 196,554 orang berbanding 181,613 (Januari hingga Februari 2013).

“Kadar penginapan hotel di sini turut memperlihatkan peningkatan sebanyak 64 peratus bagi tahun 2012 dan 67 peratus (2013). Turut dikhabarkan adalah pertumbuhan baik bagi tahun 2014,” ujarnya pada majlis berkenaan di sini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang dan Pengurus Besar G Hotel, Michael Hanratty.

Bangunan hotel baru 23 tingkat berharga RM200 juta tersebut bakal disiapkan pada suku ketiga tahun ini dengan panorama menarik di samping terletak di lokasi strategik iaitu berhampiran tempat pelancongan menarik dan pusat membeli-belah terkemuka.

Dalam pada itu, Hanratty menyatakan bahawa pembukaan bangunan baru terbabit merupakan batu loncatan kepada pihaknya yang membuka cawangan pertama di Persiaran Gurney pada tahun 2007.

“G Hotel bakal membuka lembaran baru dengan menyediakan 208 bilik, restoran bertaraf antarabangsa, lobi, pusat perniagaan, pusat kecergasan, kafe, kolam renang di puncak bangunan serta enam bilik pelbagai guna,” jelas beliau.



**KETUA Menteri bersama Law Heng Kiang (kanan sekali) dan pihak pengurusan G Hotel Kelawei ketika mengadakan lawatan ke bumbung G Hotel Kelawei pada majlis penyempurnaan *topping-off* bangunan tersebut di sini baru-baru ini.**

# Permohonan rumah, OKU diberi keutamaan



JAGDEEP Singh Deo menyantuni salah seorang penghuni Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang pada Majlis Penyampaian Sumbangan CSR REHDA kepada rumah amal berkenaan di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATUK KERAMAT –** Orang kurang upaya (OKU) dari Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang yang boleh berdikari akan diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri jika memohon rumah kos rendah (KR) atau kos sederhana rendah (KSR).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian pada majlis penyampaian sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM15,000 di sini, disumbangkan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang.

"Jika ada individu dari kediaman ini (Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang) mampu berdikari dan berhasrat untuk memohon rumah kos rendah atau kos sederhana rendah, saya ingin mengumumkan pada hari ini bahawa keutamaan akan diberikan kepada mereka yang berkenaan," ujarnya sebagai respons pada hasrat pentabdir rumah perlindungan berkenaan.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut merakamkan penghargaan atas inisiatif Pengerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan mengadakan program CSR di rumah perlindungan itu, yang masuk tahun ketiga berturut-turut.

Pertandingan mewarna, pameran kraftangan serta jamuan antara upacara menarik pada keraian kali ini.

Difahamkan, lebih 50 OKU pelbagai kategori menginap di Rumah Amal Cheshire Pulau Pinang.

# Sumbangan berganda bantu pesakit kanser



KETUA Menteri melepaskan para peserta program Kayuhan Amal Kanser di sini baru-baru ini.

**TANJUNG BUNGA –** Kerajaan Negeri komited menyumbang tambah setiap sen yang dikumpul syarikat pembuatan pemprosesan komputer, Intel Technology (Penang) Sdn. Bhd. (Intel) kepada Hospital Kanser Mount Miriam (HKMM) melalui program Kayuhan Amal Kanser anjurannya di sini baru-baru ini.

Pada program tersebut, jumlah pungutan derma yang diperoleh Intel adalah sebanyak RM26,800. Justeru, Kerajaan Negeri bakal menyumbang jumlah sama (sebagai tambahan daripada jumlah yang dipungut) kepada pusat perubatan berkaitan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa Intel dan HKMM telah mengubah kehidupan, ini yang ingin kita lihat di Pulau Pinang.

"Ini semua berlaku kerana Intel membangunkan sebuah sistem yang berkesan. Kerajaan juga sama, kita mesti bukan hanya sistem, sebaliknya satu ekosistem yang bertambah maju dan berkhidmat untuk rakyat," katanya pada program tersebut.

Kayuan membabitkan 189 peserta adalah bermula dari Intel PG9 ke Padang Kota Lama di sini sebelum disertai tambahan 111 pengayuh dan seterusnya ke HKMM di Tanjung Bunga.

Kayuhan tersebut diketuai Pengarah Urusan Intel Malaysia – Pusat Reka Bentuk, Chris Kelly.

Dalam pada itu, penganjur program, Lim Bok Sim menyatakan bahawa kutipan derma amal tersebut merupakan kerja sukarela bagi membantu pesakit-pesakit kanser yang kesempitan wang bagi mendapatkan rawatan.

# *Penang Science Cafe* jana bakat P. Pinang - KM



SEBAHAGIAN peserta membuat demonstrasi berkait bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik pada Majlis Pelancaran *'Penang Science Cafe @ Krystal Point'* di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini merasmikan majlis pelancaran '*Penang Science Cafe @ Krystal Point*' di sini, dengan usaha bersama syarikat elektronik terkemuka, Agilent Technologies dan Kerajaan Negeri melalui *Penang Science Cluster*.

Beliau dalam ucapannya menyebut, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak lagi pusat sehenti sains seumpama itu pada masa depan demi menyalurkan tenaga bakat Pulau Pinang ke seluruh negeri.

"Projek perintis ini akan menjadi asas bagi lebih banyak pusat satelit bakal ditubuhkan di masa depan untuk menyalurkan tenaga teknikal dan inovatif dari seluruh pelusuk negeri ini.

"Menerusi (projek seumpama) ini, kami akan membangunkan komuniti sains yang akan membantu mencorakkan masa depan Pulau Pinang," katanya di sini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih memberitahu, Kerajaan Negeri kini pada peringkat akhir untuk membina pusat *Penang Science Cafe* yang lebih besar di Wisma Yeap Chor Ee, dekat George Town, yang akan berperanan sebagai pusat pembelajaran sains.

Tambah beliau, pusat sehenti sains tersebut turut menyediakan kemudahan, ruang serta peralatan untuk Pulau Pinang membina bakat serta menguji ciptaan masing-masing.

Sebelum itu, Naib Presiden Agilent Technologies, Datuk Gooi Soon Chai memberitahu, projek itu bakal menyediakan persekitaran yang kondusif untuk orang muda-mudi membangunkan minat mereka dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Sejak pra pelancaran pada bulan Disember tahun lepas, '*Penang Science Cafe @ Krystal Point*' telah menerima lebih 1,500 peserta serta 200 sukarelawan yang menjalankan lebih 44 aktiviti di sini.

Difahamkan, projek inovasi bakat Pulau Pinang itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

# *IJM Promenade* dikenali Persiaran Karpal Singh



KETUA Menteri bersama-sama para peserta mengayuh basikal di Persiaran Karpal Singh sempena majlis memperingati mendiang di sini baru-baru ini.



PEMANDANGAN ketika majlis memperingati mendiang di Persiaran Karpal Singh.




JAGDEEP Singh Deo memegang potrait mendiang ayahnya ketika berjalan memasuki dewan Sekolah Tinggi Han Chiang pada Majlis Memperingati Karpal Singh di sini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PINANG–** Lebih 100 orang menyertai program kayuhan bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dari Padang Kota Lama dekat George Town menuju ke *IJM Promenade* di sini sempena majlis memperingati mendiang Karpal Singh baru-baru ini.

Guan Eng dalam ucapannya memberitahu, *IJM Promenade* dinamakan Persiaran Karpal Singh sebagai mengingati sumbangan bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor tersebut yang dianggap besar pada pembangunan negara dan rakyat Pulau Pinang.

"Persiaran Karpal Singh memang sangat cantik...sama cantik dengan prinsip perjuangan dan idealisme kita punya Karpal Singh," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Anak sulung mendiang Karpal, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap ADUN Datuk Keramat turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubong) dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong dan beberapa pemimpin negeri lain.

Guan Eng berkata, Karpal dikenali sebagai pengamal undang-undang dan ahli politik yang mempunyai prinsip berdasarkan perlembagaan.

Sementara itu, hampir 500 hadirin turut menyertai majlis memperingati mendiang Karpal dalam satu program berasingan di dewan Sekolah Tinggi Han Chiang dekat George Town, walaupun disambut oleh hujan renyai.

Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said dan isteri, Lim Kit Siang (Ahli Parlimen Gelang Patah), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) serta dua anak lelaki Karpal, Jagdeep dan Gobind Singh Deo (Ahli Parlimen Puchong) antara tetamu yang hadir.

| No Akaun | : | 11236 |
| Peminjam | : | YUSMIM BINTI OMAR - 861101355076<br>TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA<br>13800 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | JULIA BINTI OMAR - 770203075856<br>IBU PEJABAT POLIS DAERAH YAN<br>06900 YAN, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | JURIAH BINTI OMAR - 840201075474<br>TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA<br>13800 BUTTERWORTH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11238 |
| Peminjam | : | NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 860103075276<br>NO. 26 JALAN BUNGA KEKWA 2/12,<br>SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR |
| Penjamin 1 | : | KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 760211086193<br>187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG,<br>MERU, KAPAR 42200 SELANGOR |
| Penjamin 2 | : | ZANRIAH BINTI TOHA - 600613106000<br>187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG,<br>MERU, KAPAR 42200 SELANGOR |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11240 |
| Peminjam | : | AZIE RAZNIE BINTI ABDUL GHANI - 890806025176<br>756-B, BLOK J,TAMAN TUN DR AWANG,<br>BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | ABDUL GHANI BIN H CHE MEH@H MAN - 660828025149<br>756-B BLOK J, TAMAN TUN DR AWANG,<br>BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | MOHD KHAIRUL NIZAM BIN ABD LATEH - 810410025089<br>NO. E-8 (JKR 652 T), PENGKALAN UDARA KUANTAN 25990 KUANTAN, PAHANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11273 |
| Peminjam | : | LING YEE KOON - 900110075403<br>100-2-5 JALAN RAWANG<br>10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | CH NG YEE CHENG - 770625086459<br>NO.38 TAVOY CLOSE<br>10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | LING YEE KANG - 831022075589<br>NO.100-2-5 JALAN RAWANG<br>10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11283 |
| Peminjam | : | HARTINI A/P MUNIANDY - 860805355520<br>NO. 17-B LORONG PERMAI 2, TAMAN PERMAI<br>14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 1 | : | GUNASEGARAN A/L BALAKRISHNAN - 630813085029<br>23 LORONG SERI BISTARI 3 , TAMAN SERI BISTARI 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 2 | : | REJAYARAM A/L K MUNIANDY - 630629075015<br>19 LORONG PANCHOR INDAH 21,<br>TAMAN BUKIT PANCHOR<br>14300 NIBONG TEBAL, SPS |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11372 |
| Peminjam | : | NORONSALHA BT OUNNAJMI - 850107075282<br>NO. 27 LORONG PAYA KELADI 3, TAMAN PAYA KELADI 13200 KEPALA BATAS, SPS |
| Penjamin 1 | : | MOHD ADIB BIN ABDUL WAHAB - 840529075451<br>NO.446 PERMATANG SIREH 13200<br>KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | RESIDIN BIN OUNNAJMI - 830124045159<br>NO. 27 LORONG PAYA KELADI 3,<br>TAMAN PAYA KELADI<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11317 |
| Peminjam | : | RADZQUSYAIRI BIN ABDUL RAZAK - 871221075297<br>F-G-4 MELATI APARTMENT, LEBUH BUKIT KECIL 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | RADZMAN BIN ABDUL RAZAK - 670111115787<br>6-10-1 LINTANG KG MASJID 1, TAMAN KUMBAR PERMAI, TELUK KUMBAR,<br>11020 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | RADZUAN BIN ABDUL RAZAK - 690616075109<br>2D-08-02 PANGSAPURI BAYAN PERMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11439 |
| Peminjam | : | HEAMADAVI A/P SUKUMARAN - 800511025230<br>6 JALAN KASAWARI 3, TAMAN KASAWARI<br>14100 SIMPANG AMPAT, SPS |
| Penjamin 1 | : | MUNIAHMAL A/P SUKUMARAN - 760403026216<br>NO. 6 JALAN KASAWARI 3, TAMAN KASAWARI 14100 SIMPANG EMPAT, SPS |
| Penjamin 2 | : | GANESAN A/L SUBRAMANIAM - 770619086989<br>788 LORONG 28, KAMPUNG BARU AULONG<br>34000 TAIPING, PERAK |

# Kunjungan Maghribi intai industri halal Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Industri halal negeri melakar perkembangan positif apabila *Penang International Halal Hub* (*Halal Penang*) menerima kunjungan delegasi 20 anggota perdagangan dan kerajaan Maghribi di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim ketika ditemui berkata, delegasi diketuai Pengarah Bahagian Polisi Perdagangan, Kementerian Perdagangan Luar Negeri Maghribi, Mohammed Essabar yang menghadiri *Malaysia Halal Week 2014* memilih Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi lawatan selain Kuala Lumpur dan Melaka.

"Hal ini jelas menunjukkan inisiatif perangkaian perkhidmatan dan pengeluaran produk halal tempatan berkembang pesat selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab halal bertaraf antarabangsa.

"Kehadiran delegasi dari Maghribi juga dilihat dapat menerokai peluang dan kepakaran serta memperkukuhkan hubungan industri halal yang lebih kompetatif," katanya di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang (melalui *Halal Penang*) dengan Maghribi telah terjalin sejak tahun 2013 lagi apabila beliau dijemput untuk menyampaikan ucapan pembukaan di Ekspo Halal Antarabangsa Edisi Ke-2 di Meknes, Maghribi tahun lalu.

Malah, jalinan kerjasama diperkukuhkan apabila beliau berkesempatan bertemu dengan Menteri Perhubungan Parlimen dan Kemasyarakatan Maghribi, H.E. Habib Choubani serta menandatangani dua perjanjian persefahaman (MoU) bersama *Association of Moroccon Exporters* (ASMEX) dan *Central Regional of Investment, Meknes – Tafilalet* (CRI).



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) menyampaikan cenderamata kepada Mohammed Essabar pada lawatan delegasinya di sini baru-baru ini.

Selain hadir ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri di Komtar, delegasi turut melawat *Centre of Herbal Standardization* (CHEST) di Universiti Sains Malaysia (USM) dan kilang pembekal makanan laut sejuk beku, Jeenhuat Foodtuffs Industries Sdn. Bhd. (JEFI) di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang, Bukit Minyak.

Delegasi Maghribi turut disertai wakil ASMEX, *Moroccon Halal Certification Body* (IMANOR), *Canning Industry Federation of Agricultural Products of Morocco* (FICOPAM), *Department of Standard and Quality Management System* (ONSSA) serta beberapa anggota dewan perniagaan dan penggiat industri pemakanan halal di Maghribi.




KETUA Menteri dan delegasi merakam kenangan bersama-sama Michael Saul Dell (tengah) di Ibu Pejabat Dell Malaysia, Cyberjaya baru-baru ini.

## Pertemuan bermakna Dell – iP

**PERTEMUAN PERTAMA...** Buat julung kalinya, delegasi pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkesempatan berkunjung ke Ibu Pejabat Dell Malaysia di Cyberjaya baru-baru ini.

Delegasi disambut pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Dell Incorporated, Michael Saul Dell dan Eksekutif-eksekutif Komunikasi Korporat Dell Malaysia.

Selain Ketua Menteri, turut serta ialah Timbalan Ketua Menteri I yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Pengurus Besar *investPenang* (iP), Loo Lee Lian dan Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon.

Pertemuan selama sejam lebih itu membolehkan pelbagai isu pembangunan ekonomi dan perkembangan rangkaian industri dikongsi kedua-dua pihak.

Dell merupakan salah satu jenama terkemuka dalam dunia teknologi perkomputeran serantau.



ANTARA delegasi Republik Ghana yang menyertai kunjungan hormat di sini baru-baru ini.

## Lawatan Republik Ghana kongsi pengalaman

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng menerima kunjungan hormat daripada delegasi Republik Ghana di sini baru-baru ini.

Rombongan seramai lebih kurang 20 delegasi terbabit diketuai Timbalan Menteri Jalan dan Lebuhraya Republik Ghana, Issac Adjei Mensah.

Hock Seng pada pertemuan tersebut berkata, lawatan terbabit membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengalaman serta kepakaran masing-masing.

"Lawatan kerja ini memberi kesempatan kepada kita (Pulau Pinang) dan Republik Ghana berkongsi pengalaman dan kapasiti kepakaran berhubung sistem kerja raya," ujarnya pada pertemuan dan lawatan kunjungan hormat delegasi Timbalan Menteri Jalan dan Lebuhraya Republik Ghana di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) dan Datuk Abu Jamal Nordin.

Kesempatan lawatan kerja tersebut turut membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkongsi idea, pengalaman dan kepakaran dalam menjayakan Projek Mega Infrastruktur Pulau Pinang.

Projek berkenaan merangkumi tiga lebuhraya utama dan sebuah terowong dasar laut yang bakal menghubungkan Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Terowong dasar laut (hubungan jaringan ketiga) bakal menghubungkan Persiaran Gurney ke Bagan Ajam, Seberang Perai Utara.

# Sisa sifar berbeza dengan kitar semula - Rozali

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENAGA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyifatkan jumlah penyertaan Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau yang semakin meningkat setiap tahun membuktikan pihak sekolah berhasrat untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri berhubung usaha pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar di negeri ini.

Kenyataan itu diungkapkan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud pada Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Muda di sini baru-baru ini.

Menurut Rozali, pertandingan itu mendapat sambutan yang baik di Seberang Perai sejak ia diperkenalkan pada 2010.

"Semasa mula-mula diperkenalkan, MPSP cuma berjaya mendapatkan penyertaan daripada 30 buah sekolah sahaja.

"Jumlah penyertaan ini semakin meningkat setiap tahun...dan pada tahun ini, jumlah penyertaan telah meningkat kepada 105 buah sekolah," ujar beliau.

Turut hadir, Pengetua SMK Sri Muda, Mohd. Noor Yusof.

Rozali memberitahu, pelancaran sisa sifar sekolah tersebut merupakan satu aspek yang lebih luas berbanding dengan kitar semula.

"Sisa sifar adalah berbeza dengan kitar semula, di mana kitar semula bermula setelah sampah atau sisa tercipta.

"Manakala sisa sifar pula bermula seawal proses penciptaan barangan lagi yang melibatkan pihak pengguna, pengeluar dan pembuat dasar," jelasnya.

Tambah beliau, objektif MPSP mensasarkan penyertaan sekolah-sekolah adalah untuk memberi didikan awal kepada murid sekolah bagi menghargai alam sekitar.

"Peranan guru amat penting dan banyak membantu MPSP memberikan pengajaran kepada semua murid mengenai kitar semula, eko-komuniti, perancangan hijau serta aktiviti 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle*.

"Saya berharap sekolah-sekolah di Penaga dan di Seberang Perai dapat mencontohi SMK Sri Muda dan memainkan peranan dalam merancang serta mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan sekaligus mencapai objektif sisa sifar," akhiri Rozali.

Tahun lalu (2013), SMK Sri Muda telah dianugerahkan tempat ketiga dalam Anugerah Sekolah Hijau walaupun baru pertama kali menyertai pertandingan berkenaan.



**SR. ROZALI Mohamud (kiri sekali) memerhatikan projek sisa sifar pada Majlis Pelancaran Sisa Sifar SMK Sri Muda di sini baru-baru ini.**

## Kempen kitar semula MPSP ke tadika pula

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melanjutkan kempen kitar semula ke peringkat sekolah tadika pula, selepas program Anugerah Sekolah Hijau yang dilaksanakan sejak tahun 2009 hingga sekarang mendapat sambutan menggalakkan di negeri ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif mensasarkan penyertaan 40 buah daripada 173 tadika yang dilesenkan di sekitar Seberang Perai berhubung kempen nilai untuk tahun pertama berkenaan.

"Kira-kira 35 sekolah sahaja yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau pada tahun pertama ia dilancarkan, tetapi, sebanyak 105 buah (sekolah) hantar borang penyertaan sehingga kini, iaitu 31 sekolah menengah dan 74, rendah.

"Angka itu menunjukkan peningkatan sebanyak 19 buah sekolah berbanding tahun 2013, 86 sekolah.

"Kita berharap program 4R, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle* ini turut mendapat sambutan di peringkat sekolah tadika," ujarnya pada Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan Pengumpulan Bekas Polisterina di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, jumlah kitar semula seberat 56,264.436 ton oleh MPSP di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini bersamaan dengan penjimatan kos sebanyak RM1,136,541.60.



**KANAK-kanak tadika yang mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti pada Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan Pengumpulan Bekas Polisterina di sini baru-baru ini.**

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dalam ucapan perasmiannya pula berkata, *Penang Green Council* (PGC) sendiri sedang giat menguatkuasa kempen sifar polisterina di beberapa pasar raya dikenalpasti.

Hadir sama, Setiausaha bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Maimunah menjelaskan, pengumpulan tidak kurang 300 kilogram sisa dan inisiatif berwajib lain untuk mencapai Program 4R merupakan antara syarat kelayakan asas menyertai pertandingan tersebut.

Sebanyak 20 hadiah cemerlang berupa wang tunai RM200 dan RM100 untuk 20 hadiah saguhati menunggu sekolah yang terpilih dalam majlis anugerah ini.

Bengkel berwajib untuk program tersebut ditetapkan mulai April hingga Ogos, manakala, penilaian juri serta acara penyampaian hadiah dijadualkan pada 30 September ini.

## MPPP kuatkuasa program Anti-Sampah dan Halangan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Larangan membuang sampah di lokasi yang bukan tapak pembuangan sampah dikuatkuasakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menerusi program Penguatkuasaan Anti-Sampah dan Halangan Laluan Awam di sini baru-baru ini.



**SALAH seorang kakitangan MPPP mengedarkan risalah program Penguatkuasaan Anti-Sampah dan Halangan Laluan Awam di Terminal Bas Komtar di sini baru-baru ini.**

Ahli Majlis MPPP merangkap Pengerusi Gantian Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam, Dr. Tan Kim Hooi berkata, ekoran pengimplementasian tersebut, MPPP kini giat menjalankan operasi dan kempen-kempen kesedaran dalam kalangan orang ramai.

"Masih ramai lagi yang tidak peka walaupun MPPP telah mendirikan papan notis larangan membuang sampah. Masih ada lagi yang membuang sampah sesuka hati sewenangnya.

"Kita memandang serius hal ini.

"Jesteru, satu pasukan dikenali Skuad Anti-Sampah dan Halangan Laluan Awam telah ditubuhkan bagi menjalankan rondaan untuk mendidik orang ramai dan peniaga tentang kesalahan membuang sampah," ujarnya pada satu sidang media khas di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Kesihatan Awam MPPP.

Tindakan menghalang laluan awam dan membuang sampah di tempat awam adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 46 (1) dan Seksyen 47 (1) Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan boleh dikenakan kompaun sekiranya didapati bersalah.

Tambah Kim Hooi, MPPP akan sentiasa menjalankan rondaan, mengedar risalah dan menambah pemasangan papan tanda amaran bagi mempergiatkan kesedaran berhubung program berkenaan.

"Skuad ini akan menjalankan rondaan di dua kawasan utara pada Isnin hingga Rabu dan Selatan, Khamis hingga Sabtu.

"Malah, risalah-risalah juga akan mula diedarkan di tempat-tempat awam, komuniti setempat dan kompleks-kompleks makanan MPPP," jelas beliau.

# MPSP kuasai Futsal World Cup 2014

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Pasukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) muncul juara Pertandingan Komtar World Cup (Futsal) 2014 yang julung kali dianjurkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Setia Urus Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang diadakan bersempena kejohanan Piala Dunia Brazil 2014 tersebut berlangsung dari 18 Mac hingga 11 April lalu dengan menampilkan pelbagai aksi menarik 32 pasukan.

Pada pertandingan tersebut, para pasukan turut menggunakan nama timangan negara yang bakal berentap pada Piala Dunia Brazil 2014.




PASUKAN MPSP bergambar kenangan bersama-sama trofi dan hadiah dimenangi.



MUHAMMAD Yusoff Wazir (dua dari kiri) menyampaikan trofi kejohanan kepada pemain pasukan MPSP sambil diiringi jurulatih pasukan, Mohd Tahir Othman (depan, kanan sekali) pada Pertandingan Komtar World Cup (Futsal) 2014 di sini baru-baru ini.

Pasukan MPSP muncul Johan selepas berjaya menewaskan pasukan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dengan jaringan 2 - 1.

Penentuan tempat ketiga dan keempat pula menyaksikan saingan antara pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menentang pasukan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan mata kemenangan 3 -1 berpihak kepada LHDN.

Bagi jurulatih MPSP, Mohd Tahir Osman, beliau memuji penganjuran tersebut dan berharap ia dapat diteruskan pada tahun hadapan sambil sempat berkongsi rahsia kejayaan pasukannya.

“Saya berharap kejohanan seperti ini akan lebih kerap diadakan lagi.

“Rahsia kejayaan pasukan saya adalah terletak pada penggabungan pasukan yang sudah berusia lima tahun sehingga menjadikan kami begitu serasi,” ujarnya selepas menerima trofi kejohanan di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) , Datuk Muhammad Yusoff Wazir.

# Kejohanan latih peluncur angin wakil negeri & negara

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TANJUNG BUNGA –** Kejohanan Luncur Angin Antarabangsa Pulau Pinang 2014 berjaya mengumpulkan 50 peserta dari dalam dan luar negara termasuk Australia, Thailand, Perancis dan Singapura di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng semasa menghadiri majlis penyampaian hadiah kejohanan tersebut berkata, penyertaan memberangsangkan dalam penganjuran kali kedua tersebut membuktikan bahawa sukan air tersebut semakin diminati ramai.

“Walaupun hanya kali kedua dianjurkan, kejohanan ini berjaya mengumpul peminat sukan air dari banyak negara termasuk peluncur tempatan.

“Ini membuktikan sukan ini mempunyai potensi untuk berkembang menjadi kejohanan antarabangsa melibatkan lebih banyak negara serta peserta pada masa hadapan,” katanya di sini baru-baru ini.

Sebanyak tujuh kelas dipertandingkan pada kejohanan baru-baru ini dengan yuran penyertaan sebanyak RM100 seorang iaitu *Course Race (Formula, Race Board* dan *Bic Techno), Marathon (Formula, Race Board* dan *Bic Techno*) dan *Overall Bic Techno*.

Kejohanan tersebut dianjurkan secara bersama oleh kelab-kelab rekreasi tempatan seperti *Chinese Swimming Club* (CSC), *Penang Swimming Club, Penang Sailing Association* dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Tambah Chong Eng, setiap kejohanan yang dianjurkan hendaklah mempunyai misi bagi mengangkat martabat sukan di negeri ini.

“Saya berbangga dengan kejohanan ini apabila mendapat tahu bahawa objektif ia diadakan adalah untuk melatih para peluncur bagi mewakili negeri dan negara dalam Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan SEA dan Sukan Olimpik.

“Saya berharap dengan penganjuran kejohanan ini dapat mewujudkan kesedaran terhadap sukan ini dan menarik lebih ramai minat khususnya golongan belia negeri ini,” akhiri beliau.




CHONG Eng (tengah, berbaju biru) bersama-sama para peserta menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Luncur Angin Antarabangsa Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

# Usahawan mee sanggul tak pegang perkataan putus asa

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERSONALITINYA** peramah dan percakapannya penuh budi bahasa. Namun, komitmennya dalam bidang perniagaan amatlah dikagumi.

Berbekalkan semangat dan minat, bekas kakitangan awam, Khalid Ramaley meneruskan usaha mencari premis untuk memulakan perniagaan menjual mee selepas seminggu tamat berkursus.

"Kalau tak buat terus, memang takkan buat!" jawabnya ringkas kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara ketika ditemui di premisnya di Taman Arowana, Permatang Pauh baru-baru ini.

Sebagai 'orang baru' dalam bidang tersebut, Khalid tidak menafikan bahawa beliau terpaksa 'ketuk pintu' memperkenalkan produk keluarannya di sekolah-sekolah dan kilang-kilang.

"Cabaran utama dalam bidang ini adalah persaingan dan kerenah pelanggan. Kita baru masuk (produk baru), nak dapatkan pelanggan, memang kena usaha keras.

"Apatah lagi, kita sebagai usahawan kecil.

"Pada aspek modal, selepas bermula (memulakan perniagaan) pada tahun 2009, tahun ini baru nampak *ok* sikit," jelasnya yang dikurniakan lima cahaya mata.

Pada aspek kerenah pelanggan, Khalid memberitahu bahawa ia membabitkan hutang yang mana secara tidak langsung memberi impak kepada pusingan modal perniagaannya.



KHALID Ramaley menunjukkan produk-produk keluarannya.




MEE sanggul yang dihasilkan.



PRODUK sedia dipasarkan.



SEORANG kakitangan sedang menggoreng mee sanggul secara manual.

Dibantu empat pekerja, penghasilan mee sanggul yang merupakan produk jualan utama beliau kini masih adalah menggunakan proses manual.

Ini termasuk proses bancuhan tepung, menggoreng atau merebus (bagi mee basah) dan pembungkusan produk untuk dipasarkan.

Ekoran permintaan yang kian meningkat kini, Khalid tidak menafikan bahawa proses pembuatan sedia ada tidak dapat menampung jumlah berkenaan.

Justeru, berkat usaha selama lima tahun, beliau kini mampu memperkembangkan prospek perniagaannya ke sebuah kilang terletak di Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah (SPT).

Selain pasaran di negeri Pulau Pinang, produknya turut dipasarkan di Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang.

Malah, beliau juga turut terlibat dalam memberi latihan kepada para pelajar hasil kerjasama dengan kementerian berkaitan.

Mengimbas kembali pengalaman ketika mula berkecimpung dalam bidang berkenaan, selepas tamat kursus pembuatan mee, Khalid menyatakan bahawa beliau mengambil tempoh tiga bulan tambahan untuk betul-betul memahiri teknik pembuatan produk berkenaan.

"Pernah sekali, sebanyak 30 hingga 50 katon (satu katon terdapat 20 bungkus) produk mee sanggul dikembalikan kerana ia berkulat.

"Kecewa, namun, saya tidak putus asa. Saya cuba buat lagi. Selepas itu, baru tahu masalah sebenar kerana setiap peringkat teknik pembuatan seperti kuantiti minyak, api dan beberapa aspek lagi adalah perlu dititikberatkan," jelasnya sambil menyatakan bahawa produk asas penghasilan mee adalah tepung, air, garam dan 'air abu'.

Uniknya, Khalid mengulas, mee keluarannya, tanpa mengira produk basah ataupun kering (mee sanggul), ia tidak mengandungi bahan pengawet.

Ini bermakna, apabila makan, terutamanya kanak-kanak, mereka tidak akan sakit perut. Sebaliknya, ia mempunyai rasa segar (*fresh*), sedap, pejal dan mengejangkan.

Malah, produk mee sanggul keluarannya mampu bertahan selama setahun.

Mengulas lanjut, Khalid menyatakan bahawa walaupun statusnya kini masih tidak boleh dilabelkan sebagai usahawan berjaya, beliau akan terus berpegang kepada prinsip – buat sesuatu sampai berjaya!

"Dah terjun dalam bidang usahawan, saya tidak pegang perkataan putus asa.

"Kalau tak, lebih baik makan gaji. Kena sabar…," ujar Khalid yang ingin memperturunkan perniagaan beliau kepada anak-anak serta cucu-cucunya kelak.

**INFO :**
**BUMI BEST ENTERPRISE**
**No. 1513, Jalan Permatang Pauh, Taman Arowana, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.**
**013 – 473 5584**
**Emel :**
**khalidramaley@yahoo.com atau khalidramaley@gmail.com**

# Demi 'budak dari syurga' - Badril

**SELEPAS** bersara sebagai Konsulat Muda Malaysia Ke Madras dekat India, beliau mengambil keputusan untuk kembali ke kampung halaman.

Sambil-sambil berperanan sebagai Timbalan Pengerusi dalam Lembaga Pengarah Restoran Pelita Nasi Kandar, beliau bersetuju untuk membina sebuah institusi pendidikan agama secara percuma di Jelutong atas nasihat kawan-kawan.

Badril Mohd. Yusof, 63, bersama-sama beberapa ahli karyah mengambil keputusan menubuhkan Maahad Tahfiz Al-Quran Fathul Rahman di atas sebidang tanah wakaf pada tahun 2009 di Lot Tanah 127N dekat Jalan Mat Taib, Jelutong.

"Di sini, kita jemput anak-anak yatim dan anak-anak dari keluarga gelandangan datang belajar agama secara percuma kerana semuanya kita tanggung.

"Bagi saya, mereka ini saya anggap sebagai 'budak dari syurga'," ujar Badril dalam wawancara bersama-sama wartawan **Buletin Mutiara (BM), ZAINULFAQAR YAACOB** di sini baru-baru ini.

Bangunan lama Sekolah Agama Rakyat Ad-Diniyyah yang pernah mengajar anak-anak Melayu setempat sehingga era 1970-an dulu dijadikan tapak baru Maahad Tahfiz Al-Quran Fathul Rahman dekat Julutong sejak tahun 2010.

Cerita neratif setempat memberitahu, Ustaz Raja Ahmad Mustafa dan Ustaz Khairul Nisa' yang bertanggungjawab ke atas operasi pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR), sejak tahun 1950-an.

Idea asal penubuhan Maahad Tahfiz A-Quran Fathul Rahman dekat Jelutong ini antaranya untuk menghimpunkan anak yatim, anak yang hilang perhatian keluarga, anak tak sah taraf dan mereka yang tercicir pendidikan arus perdana.

Beliau bersama beberapa ahli qaryah setempat mengambil fardhu kifayah menubuhkan pusat pendidikan agama percuma tersebut kerana menganggap anak-anak ini sebagai 'budak dari syurga'.

"Kita mula pada tahun 2009. Asal budak-budak ini tidak bersekolah, kita bawa 'budak dari syurga' ini ke sini dan kita tanggung semua kos pengajian supaya mereka ada masa depan yang lebih baik," ujar Badril.

Badril dan beberapa ahli qaryah lain akhirnya mengambil keputusan itu berpindah ke bangunan tersebut kerana rumah yang diwakafkan untuk dijadikan maahad sejak dibuka pada tahun 2009 perlu segera dikosongkan.

Langkah tu, katanya, atas nasihat Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim sendiri.

"Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) mencadangkan kita menghidupkan semula bangunan wakaf ini (Ad-Diniyyah)," katanya.



**BADRIL Mohd. Yusof (kiri) dan Ustaz Norshyam Ibrahim pada sesi wawancara bersama Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.**

### Cabaran

Pun begitu, Badril memberitahu, kerja mengurus maahad bukanlah tanggungjawab yang mudah.

"RM30,000 dibelanjakan semasa membaiki kelengkapan asas rumah lama di Jalan Mat Taib, tetapi kontraktor terbabit 'kecoh', itu antara cabaran yang mula-mula dihadapi.

"Apabila ada pihak nak menderma RM20,000, pihak tersebut halang pembangunan di sini, sampai membuat laporan polis kerana dendam.

"Akhirnya, saya sendiri keluarkan simpanan peribadi kerana pembangunan infrastruktur memang diperlukan oleh 'budak dari syurga' di sini," jelas beliau sambil ditemani Setiausaha Maahad, Haji Bakar Ismail, 68.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana semua 'budak dari syurga' di maahad tersebut senang dididik dengan Mudir Maahad, Ustaz Norshyam Ibrahim, 40, yang juga Imam Masjid Jamek Jelutong.

"Alhamdulillah, pelajaran akademik dan kokurikulum seperti kelas karate pun ada di maahad ini, selain pengajian sedia ada berkaitan hafalan al-Quran dan subjek agama sebagai teras utama," jelas Badril.

### Harapan

Di sebalik penubuhan maahad, Badril memberitahu, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man dan Abdul Malik banyak membantu secara langsung tidak langsung.

Selain itu, katanya, maahad turut menerima sumbangan tetap sebanyak RM5,000 tiap-tiap bulan walaupun, minimum kos operasi maahad sebenarnya RM6,500.

Justeru, beliau berharap pihak berwajib dapat mempertimbang semula bayaran tuntutan berwajib di atas bangunan maahad tersebut memandangkan institusi itu dilaksanakan tanpa yuran pengajian walau RM1 pun daripada waris murid-murid.

"Bagi mereka, ini bangunan komersial walaupun di atas tanah wakaf. Tetapi, sebenarnya maahad ini melaksanakan pendidikan secara percuma, bukan komersial.

"Maahad ini didirikan atas maksud untuk fardhu kifayah kepada semua 'budak dari syurga' berkenaan, kita boleh beri pendidikan percuma kerana ada beberapa pihak membantu.

"Sumbangan walau RM10 pun akan dikeluarkan resit, sebab itu integriti maahad ini," kata Badril sambil memberitahu bahawa sumbangan turut boleh disalurkan melalui Maybank, 557 157 001 926.



**GAMBAR kenang-kenangan warga Maahad Tahfiz Fathul Rahman di hadapan maahadnya.**

# Peniaga pasar Ramadhan wajib suntik anti typoid




AHMAD Azrizal Tahir (tengah) menunjukkan notis pemberitahuan pemohon pasar Ramadhan sambil diperhatikan Aidi Akhbal Mohamed Zainon (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Para pemohon lesen gerai sementara di pasar Ramadhan tahun ini disarankan untuk mematuhi syarat-syarat ditetapkan Bahagian Perlesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Ahli Majlis MPPP, Ahmad Azrizal Tahir dalam satu sidang media di sini berkata, demi keselamatan dan keselesaan semua, MPPP telah menyarankan semua pemohon lesen gerai sementara untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

"Sekiranya gagal, mereka berkemungkinan akan dikenakan tindakan denda memandangkan MPPP memandang berat soal keselesaan, keselamatan dan kebersihan penyediaan makanan.

"Malah, kita juga mewajibkan setiap peniaga untuk mendapatkan suntikan pelalian anti typoid (Typhim VI) dan pemeriksaan kesihatan terutama pengendali makanan dan minuman di pasar Ramadhan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MPPP, Aidi Akhbal Mohamed Zainon, S. Sukumar dan Lim Boon Beng.

Selain itu, katanya, pemohon juga perlu mematuhi syarat kebersihan dan kesihatan antaranya, memakai apron dan penutup kepala ketika menjalankan perniagaan dan dilarang menggunakan bekas polisterina bagi sebarang tujuan jualan makanan serta minuman.

Sempena kedatangan bulan Ramadhan tahun ini, MPPP menyediakan 18 lokasi tapak bazar yang menawarkan kira-kira 1,000 lot berniaga.

Antara lokasi pasar Ramadhan adalah di Kampung Sungai Pinang, tapak penjaja bersebelahan Masjid Umar Ibn Al-Khattab, Bayan Baru dan tapak pasar malam Tanjong Tokong.

## Jaga kebersihan ke arah bandaraya antarabangsa

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



A. Kumaresan.

**GEORGE TOWN** – Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Kumaresan menyeru MPPP selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) bersiap-siaga terhadap isu-isu berbangkit terutamanya faktor kebersihan dalam memacu ke arah wawasan menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa sebagaimana dilaungkan Ketua Menteri.

Kumaresan berkata, dalam misi menuju ke arah sebuah bandaraya pintar bertaraf antarabangsa, pokok asas yang perlu diberikan perhatian adalah isu kebersihan.

"MPPP selaku PBT perlu memandang serius akan hal ini.

"Kita (MPPP) seharusnya memastikan Pulau Pinang sekurang-kurangnya mencapai tahap kebersihan minima yang diperlukan sesebuah bandar antarabangsa," ujarnya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, Kumaresan turut mencadangkan agar Majlis melakukan pembaharuan.

"MPPP perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang membuang sampah, menyediakan garis panduan terhadap golongan perokok, memperluaskan tempat larangan merokok melalui pewartaan tempat tumpuan awam.

"Penasihat Undang-undang juga perlu mengkaji semula undang-undang sedia ada dan mengesyorkan pelaksanaan sistem merit di semua kompleks makanan awam, gerai dan restoran 24 jam.

"Ini adalah bagi mendidik pesalah yang sewenangnya membuat kesalahan memandangkan kita (MPPP) sudah cukup memberi pendidikan awam serta amaran lembut selama ini," tegas beliau.

## Tuah pembayar cukai taksiran, MPPP alu bayaran awal




AR. Patahiyah Ismail menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada salah seorang pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah MPPP Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Para pembayar cukai taksiran bagi bahagian pulau kini juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah cabutan bertuah sekiranya membuat bayaran keseluruhan cukai dan tunggakan pada tempoh ditetapkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Menurut Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, inisiatif julung kali diadakan ini adalah bagi menggalakkan orang ramai menjelaskan cukai taksiran masing-masing dalam tempoh ditetapkan setiap tahun.

"Kini, warga Pulau Pinang (bahagian pulau) yang membuat bayaran cukai taksiran mengikut jadual akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah cabutan bertuah ditawarkan pihak Majlis (MPPP).

"Malah, saya juga mengalu-alukan individu yang ingin membayar cukai untuk setahun terus," serunya ketika menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah MPPP Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Tye dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Sejumlah 120 hadiah ditawarkan termasuk telefon pintar, *Samsung Galaxy Note 3, IPad Air, Ipad Mini,* kamera Olympus, televisyen Samsung LED, televisyen Toshiba LED, basikal Mountain Bike dan pelbagai barangan elektrik harian.

Dalam pada itu, Patahiyah turut meminta orang ramai membuat pembayaran awal setiap tahun bagi melayakkan mereka menyertai cabutan bertuah tersebut.

Tambahnya, bagi kali ini, sebanyak 19,750 akaun dengan jumlah bayaran RM7,143,642.86 layak untuk menyertai penganjuran cabutan bertuah kali ini.

"Cukai taksiran merupakan tanggungjawab setiap pemilik premis di bawah kerajaan tempatan dan merupakan hasil utama Majlis.

"Melalui bayaran cukai taksiran ini jugalah, pihak Majlis dapat menjayakan pelbagai projek ke arah kesejahteraan penduduk di Pulau Pinang," ujar beliau.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang *www.mppp.gov.my* atau hubungi 04 - 259 2178 / 04 - 259 2342 dan 04 - 259 2341.

# MPSP pastikan khidmat capai saksama gender

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyediakan borang Soal Selidik Bajet Tahunan 2015 berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB) bagi mendapatkan maklum balas penduduk di sini dalam penyediaan bajet tahunan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif ketika ditemui selepas Majlis Mesyuarat Penuh baru-baru ini berkata, soal selidik tersebut merupakan kali ketiga MPSP melibatkan pandangan orang ramai dalam penyediaan bajet pihak berkaitan.

"Soalan-soalan diberikan adalah untuk membantu MPSP memastikan perkhidmatan diberikan mencapai kesaksamaan gender dan responsif kepada keperluan berbeza bagi kelompok berlainan dengan sumber yang terhad.

"Malah, ia juga bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada warga Seberang Perai berhubung perkhidmatan yang perlu diperbaiki dan diberi keutamaan oleh MPSP," ujar beliau.

Menurut Maimunah, borang kaji selidik tersebut dicetak dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi mendapatkan maklum balas yang lebih menyeluruh.

"Langkah tersebut diambil bagi menarik komuniti pelbagai bangsa untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini.

"Selain partisipasi berbilang bangsa, kaji selidik ini turut memerlukan penglibatan daripada gender yang berbeza dan orang kurang upaya (OKU) supaya MPSP dapat menyediakan bajet dan kemudahan yang bersesuaian," katanya.

Kaji selidik tersebut dimulakan dari 15 April sehingga 18 Mei ini dan pembentangan bajet akan diadakan setelah semua maklumbalas dianalisa kelak.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan), Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud (tengah) dan beberapa Ahli Majlis MPSP menunjukkan borang kaji selidik umum pada sidang media selepas Majlis Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.**

# Pembeli unit komersial perlu peka jenis pemilikan harta

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan yang bersidang pada Majlis Mesyuarat Biasa (MBM) bersetuju mengurangkan Nilai Harta Tahunan (APV) sebanyak 10 peratus masing-masing untuk unit komersial SOHO (*Small Office, Home Office*) *One Sky* dan *One World*, Bayan Lepas baru-baru ini di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MPPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, pengurangan yang diputuskan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan Kadar Penilaian Tahunan iaitu 10.3 peratus.

"Kita (MPPP) hanya mempertimbangkan pengurangan APV.

"Manakala, Kadar Penilaian Tahunan masih kekal pada 10.3 peratus," katanya pada pembentangan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Pada satu sesi dialog pada 11 April lalu dengan pihak Majlis, penduduk *One Sky* (250 unit *office suite*) dan *One World* (288 unit komersial) mendakwa APV yang dikenakan terhadap pihak berkaitan adalah terlalu tinggi berbanding beberapa unit komersial lain.

Mengulas lanjut, Soon Siang berkata, para pembeli unit komersial tersebut perlu sedar tentang jenis pemilikan harta yang dibeli.



**JOSEPH Ng Soon Siang menunjukkan keputusan rayuan pengurangan APV untuk unit komersial SOHO *One Sky* dan *One World*, Bayan Lepas pada MBM di sini baru-baru ini.**

"Mereka (pemilik rumah) seharusnya sedar jenis pemilikan harta yang dibeli.

"Ianya termaktub jelas dalam Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani dan kategori penilaian manakah yang perlu dibayar.

"Saya memohon kepada pembeli-pembeli masa hadapan agar lebih jelas berhubung perkara ini kerana Majlis tidak akan melayan sebarang permohonan atau rayuan lagi," tegas beliau.

### SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

SPU

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | 10 | 0 | 10 |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | 20 | 0 | 20 |

SPT

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

SPS

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*

# Pasar Awam Batu Lanchang mesra OKU




CHOW Kon Yeow (depan, kiri sekali) dan Teh Lay Khuan (berkerusi roda) memerhatikan petak parkir OKU pada Majlis Perasmian Kemudahan-kemudahan OKU Pasar Awam dan Dewan Orang Ramai Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Buletin Mutiara

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU LANCHANG** – Hasil inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan peruntukan sebanyak RM1.167 juta, Pasar Awam dan Dewan Orang Ramai Batu Lanchang kini lebih mesra orang kurang upaya (OKU).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir berkata, mesra OKU yang dimaksudkan adalah inisiatif khas MPPP mewujudkan lif, laluan tanjakan *(ramp)* untuk kerusi roda serta tandas mesra OKU khas untuk golongan berkenaan.

"Penaiktarafan ini merangkumi dua lif baru serta tanjakan bagi memudahkan OKU yang berkerusi roda menggunakan tandas dengan lebih selamat dan selesa.

"Kemudahan lain yang bakal dinaiktaraf dalam tempoh terdekat adalah sistem parkir dan dewan yang mana kosnya turut termasuk dalam jumlah keseluruhan RM1.167 juta," ujarnya pada Majlis Perasmian Kemudahan-kemudahan OKU Pasar Awam dan Dewan Orang Ramai Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail serta Exco Pembangunan Pelancongan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang.



ANTARA kemudahan baru yang disediakan.

Buletin Mutiara

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, MPPP kini sedang merancang untuk menggantikan parkir sedia ada iaitu sistem bertiket berdasarkan jam kepada sistem berkupon yang digunakan di seluruh bahagian pulau negeri sekarang.

"Dalam masa dua bulan, dewan orang ramai akan dinaiktaraf dengan sistem penghawa dingin termasuk sebuah gelanggang futsal yang bakal ditempatkan di bahagian belakang bangunan ini," jelas beliau.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan OKU Pulau Pinang, Teh Lay Khuan menyatakan bahawa sebelum ini beliau kerap mendapat undangan majlis di sini, namun terpaksa menolak (jemputan) ekoran kemudahan mesra OKU yang kurang di sini.

"Penaiktarafan ini sangat baik.

"Selepas ini, mudah bagi orang-orang seperti saya untuk hadir majlis-majlis yang diadakan di sini," ujarnya riang.

# Bantuan ringan beban kebakaran rumah anak yatim

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR ITAM** – Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang di sini menerima sumbangan bantuan kilat kebakaran sebanyak RM2,000 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini.

Hon Wai yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri tampil menghulurkan bantuan segera daripada peruntukan kawasannya selepas ruang simpanan makanan dan keperluan harian rumah kebajikan terbabit musnah dalam kejadian kebakaran baru-baru ini.

Hon Wai ketika hadir menyampaikan cek berkata, bantuan kilat tersebut adalah bagi membantu dan meringankan beban kos membaik pulih kemusnahan tersebut.

"Saya bersyukur kerana tiada kemalangan atau kehilangan nyawa berlaku walaupun pada dasarnya, stor menyimpan segala keperluan makanan dan barang keperluan harian terbabit musnah dalam kebakaran," ujarnya ketika hadir menyampaikan cek sumbangan di Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang di Air Itam baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang terbabit, Datuk Azmi Merican, Penyelia, Hassan Samad dan salah seorang penghuni rumah kebajikan, Adli Johar yang merupakan saksi kejadian kebakaran terbabit.

Rumah kebajikan berusia lebih 50 tahun berkenaan merupakan wisma anak yatim yang pertama dibuka di Malaya oleh Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri Persekutuan pada tahun 1956.



WONG Hon Wai (kiri sekali) menyerahkan sumbangan kilat kepada Azmi Merican (kanan sekali) sambil diperhatikan Adli Johar (dua dari kanan) ketika lawatannya ke bangunan ruang simpanan makanan dan keperluan harian Rumah Kebaikan Anak-anak yatim Islam Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Lazimnya, terdapat kira-kira 30 orang anak yatim lelaki menghuni di rumah kebajikan terbabit.

Hon Wai dalam pada itu menyeru orang ramai yang prihatin tampil menghulurkan sumbangan ikhlas.

Sebarang pertanyaan atau bantuan sila hubungi talian 04 - 828 8897.

# Jelajah Penang Sihat di Machang Bubuk

Oleh **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBUK –** Program Jelajah Penang Sihat anjuran pejabat Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) dan *Hearing Partners* diteruskan ke Machang Bubuk bagi siri kelima jelajahannya baru-baru in.

"Program tersebut bertujuan untuk membawa program cakna kesihatan ke seluruh daerah di negeri ini bagi merealisasikan visi Kerajaan Negeri iaitu Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Menurut Exconya, Dr. Afif Bahardin, jelajah kesihatan mensasarkan golongan kurang mampu bagi meningkatkan kesedaran terhadap tahap kesihatan penduduk setempat secara percuma.

"Pendekatan ini dibuat kerana masih terdapat penduduk yang tidak mampu menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala dan tidak mempunyai masa ke hospital atau klinik untuk tujuan tersebut.

"Jadi, pendekatan diambil bagi membantu dan memudahkan penduduk setempat di samping merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri dengan pihak berkaitan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

Dalam pada itu, Afif turut menggesa penduduk Pulau Pinang supaya mengamalkan gaya hidup sihat dan mencegah penyakit dengan menjalankan pemeriksaan kesihatan serta mendapatkan khidmat nasihat secara berkala.

Pada masa sama, beliau turut meminta mana-mana ADUN dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) supaya menghubungi pejabat beliau untuk bekerjasama bagi menjalankan aktiviti sihat seumpama itu di kawasan masing-masing.



**DR. Afif Bahardin (berdiri, kanan sekali) dan Lee Khai Loon (berdiri, kiri sekali) memerhatikan seorang kanak-kanak menjalankan pemeriksaan telinga secara percuma pada program Jelajah Penang Sihat di Machang Bubuk baru-baru ini.**



**ANTARA peserta Karnival 10,000 Langkah Sehari MySihat melalui kawasan sawah padi di sini baru-baru.**

# 10,000 langkah sehari ke arah amalan gaya hidup

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Kira-kira 200 penduduk Kampung Titi Teras menyertai Karnival 10,000 Langkah Sehari MySihat di Dataran Masjid Titi Teras di sini baru-baru in.

Karnival dianjurkan bersama Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong dan Persatuan Sukarelawan Kampung Titi Teras itu memberi peluang kepada penduduk mempelajari cara mudah untuk kekal sihat dan cergas.

PPKnya, Mohd. Tuah Ismail berkata, secara purata, seseorang individu berjalan 2,000 langkah sehari berikutan perubahan gaya hidup moden dan perkembangan teknologi, sekaligus meningkatkan risiko penyakit seperti hipertensi, kencing manis serta serangan jantung.

Katanya, penyakit tiga serangkai yang menjadi pembunuh utama di Malaysia mampu dikurangkan dengan mengamalkan berjalan 10,000 langkah sehari.

"Cara paling mudah untuk mencapai 10,000 langkah adalah dengan berjalan dalam setiap aktiviti yang kita lakukan atau berjalan dengan jumlah kilometer sehingga tujuh kilometer sehari.

"Saya harap aktiviti berjalan 10,000 langkah tidak hanya terhenti di sini, sebaliknya terus melakukan dan mengamalkan gaya hidup sihat atau terlibat dalam program-program kesihatan seperti Program Jom Sihat Kampungku yang dianjurkan secara bersama dengan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti)," ujarnya sejurus selepas acara pelepasan Karnival 10,000 Langkah Sehari MySihat di sini baru-baru ini.

Turut diadakan adalah saringan pemeriksaan kesihatan secara percuma dan pameran oleh badan-badan korporat.

# Penduduk Kampung Kovil terima baucar tunai

**BERTAM –** Seramai 30 individu kurang mampu di Kampung Kovil di sini menerima bantuan baucar barangan dapur dan makanan bernilai RM1,500 baru-baru ini.



**ASROL Sani Abdul Razak (kiri sekali) menyampaikan sumbangan baucar tunai kepada salah seorang warga emas sambil diperhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) pada Program Bersama Masyarakat India Kampung Kovil di sini baru-baru ini.**

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak ketika ditemui berkata, program yang mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Datuk itu memperuntukkan baucar tunai bernilai RM50 setiap seorang penerima.

Menurutnya, Program Bersama Masyarakat India Kampung Kovil itu merupakan salah satu program kebajikan masyarakat di sini.

"Sebelum ini, bantuan hanya tertumpu kepada pemberian wang tunai, namun hari ini, saya mengambil inisiatif memilih mereka yang layak untuk menerima baucar tunai barangan dan makanan.

"Mereka boleh membelanjakan baucar tersebut untuk membeli apa jua keperluan barangan dan makanan dengan potongan harga RM50 di pusat membeli-belah berkaitan," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Tambah Asrol Sani, selain penyampaian sumbangan baucar, turut diadakan adalah dialog bersama masyarakat berketurunan India yang disertai kira-kira 60 penduduk setempat.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat
# Program-program EMAS Untuk Semua




**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat**